



Parlimen Mahasiswa

Beri hak kebebasan mahasiswa bersuara, kemuka pendapat isu semasa

Oleh Nas Norziela Nasbah
 nasnorziela@bh.com.my

Kuala Lumpur: Pindaan Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) Seksyen 15(2)(C) yang dibuat tahun lalu dilihat memberi peluang untuk mahasiswa berpolitik di kampus sejajar dengan saranan Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik yang mahu pelajar diberikan kebebasan bersuara dan berpersatuan di universiti. Langkah ini dilihat juga selaras de-

ngan tujuan penubuhan Parlimen Mahasiswa di Universiti Awam (UA) mampu memberi lebih ruang kepada pelajar menyuarakan pandangan mereka tanpa dipengaruhi pihak luar.

Rata-rata UA kini dilihat giat menjalankan sidang Parlimen Mahasiswa yang menjadi platform suara anak muda didengari, selain pandangan golongan itu boleh dipertimbangkan ketika pengubalan akta universiti yang baharu.

Kebebasan kepada setiap UA memben-

tuk Parlimen Mahasiswa bagi memberi ruang kepada golongan itu meluahkan pendapat yang mampu membangunkan universiti dan negara, namun perlu dipantau oleh pengurusan dan barisan pentadbir agar tidak melampaui batasan.

Setiap perbahasan atau usul yang dicadangkan juga perlu mengikut modul yang dibenarkan universiti sahaja.

Modul Parlimen Mahasiswa terserah kepada universiti berdasarkan kepada kesesuaian masing-masing kerana ada

UA yang mempunyai banyak cawangan.

Menerusi saluran itu, pelajar boleh berbincang mengenai politik tetapi perlu ada had dan tidak menyentuh isu perkauman sehingga mampu menggugat keamanan.

Tunjang pendidikan dapat ditingkatkan jika tiga tonggak iaitu adab, patriotik dan manusiawi digenggam kemas oleh mahasiswa melalui pembabitan mereka dalam sidang parlimen di UA masing-masing.

Muka 3

Wadah Mahasiswa

Hentikan retorik politik kebencian Muka 4

Jelajah Siswa

Ajar bahasa Inggeris di Bukit Tinggi Muka 6



Fahami sistem pentadbiran negara

Dari muka 1

Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-undang (FSU) Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata antara kebaikan yang boleh dibawa melalui Parlimen Mahasiswa ia dapat mendedahkan mahasiswa terbabit dengan segala prinsip dan amalan demokrasi yang sudah lama diamalkan dalam negara ini.

Beliau berkata, seperti yang diketahui umum, semenjak negara mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, negara sudah mengamalkan sistem demokrasi berparlimen dengan semua pihak berpeluang menyuarakan pendapat termasuk membabitkan diri mereka dalam dunia politik.

Katanya, rakyat negara ini juga berpeluang menjadi Ahli Parlimen di peringkat Persekutuan atau menjadi Ahli Dewan

Undangan Negeri (ADUN) di peringkat negeri bagi mewakili rakyat berbilang kaum dan agama yang ada di dalam negara.

“Menjadi seorang Ahli Parlimen dapat memberi banyak ruang dan peluang kepada individu untuk berbakti kepada masyarakat dan negara.

“Selain itu, usaha ini memberi pulangan bermakna kepada universiti kerana dapat memenuhi segala visi dan misi UA dalam usaha melahirkan siswa atau graduan yang berkualiti serta bukannya sekadar ulat buku atau siswa yang hanya reti cakap kosong sahaja,” katanya.

Beliau berkata, mahasiswa yang terbabit juga didedahkan pada peringkat awal mengenai semua tatacara dan peraturan yang digunapakai dalam parlimen.

“Walaupun Ahli Parlimen memiliki imuniti, ataupun keistimewaan, tidak semua perkara boleh diluahkan dalam



Dr Muzaffar Syah Mallow



P Prabakaran

parlimen seperti mengeluarkan sebarang ayat atau perkataan yang berunsur perkauman, menyentuh sensitiviti keagamaan, ataupun lucah dan seksis.

“Oleh itu, adalah penting supaya mahasiswa dapat didedahkan pada peringkat awal mengenai perkara yang boleh dan yang tidak boleh ketika berada dalam parlimen,” katanya.

Ahli Parlimen termuda negara, P Prabakaran, berkata pelaksanaan Parlimen Mahasiswa mampu melahirkan lebih ramai pemimpin masa depan.

“Anak-anak muda ialah tulang belakang masa depan negara.

“Pembabitan mahasiswa dalam segala platform politik seperti menjadi ahli sidang Parlimen di UA masing-masing adalah dapat melatih jiwa kepemimpinan walaupun selepas tamat pengajian mereka tidak semestinya perlu menjadi seorang ahli politik,” katanya ketika dihubungi.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Batu, berkata pelaksanaan Parlimen Mahasiswa di UA secara tidak langsung melatih pelajar untuk berbahas dan menimba ilmu.

“Secara tidak langsung mereka yang terbabit akan memastikan diri mereka bersedia dengan segala maklumat sebelum melangkah masuk ke Dewan Parlimen sebenar.

“Sidang Parlimen Mahasiswa saling tidak tumpah untuk disamakan dengan debat, cuma dalam sidang Parlimen ia mempunyai undang-undang khas yang harus dipatuhi.

“Inisiatif ini harus dipuji dan diperbanyakkan kerana mampu menggalakkan pelajar mengenali sistem pentadbiran negara daripada peringkat awal dan secara tidak langsung institusi pendidikan dapat membantu pentadbiran negara melahirkan pemimpin yang berkualiti kelak,” katanya.